



7 Mei 2012
7 May 2012
P.U. (A) 130

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN
*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN
BAGI PERBELANJAAN YANG DILAKUKAN BAGI
PENYEDIAAN PROGRAM LATIHAN YANG DILULUSKAN)
2012

*INCOME TAX (DEDUCTION FOR EXPENDITURE INCURRED
FOR THE PROVISION OF AN APPROVED INTERNSHIP
PROGRAMME) RULES 2012*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (POTONGAN BAGI PERBELANJAAN YANG
DILAKUKAN BAGI PENYEDIAAN PROGRAM LATIHAN YANG DILULUSKAN) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) dibaca bersama perenggan 33(1)(d) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan yang Dilakukan bagi Penyediaan Program Latihan yang Diluluskan) 2012**.

(2) Kaedah-Kaedah ini hendaklah berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2012 hingga tahun taksiran 2016.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini—

“institusi pendidikan tinggi” ertinya suatu institusi di Malaysia, yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*], Akta Universiti Teknologi MARA 1976 [*Akta 173*] atau Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [*Akta 555*] dan berdaftar dengan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia;

“orang” ertinya seseorang sebagaimana yang boleh diluluskan oleh Talent Corporation Malaysia Berhad untuk menjalankan suatu program latihan yang diluluskan;

“pelajar” ertinya seorang individu—

(a) yang merupakan warganegara Malaysia;

- (b) yang melanjutkan pelajarannya ke suatu program ijazah atau yang sama sepertinya secara sepenuh masa di sebuah institusi pendidikan tinggi; dan
- (c) yang menamatkan program latihan yang diluluskan sebelum selesai semester akhir program ijazahnya atau yang sama sepertinya;

“program latihan yang diluluskan” ertinya suatu program latihan berstruktur di Malaysia yang dilaksanakan sekurang-kurangnya selama sepuluh (10) minggu sebagaimana yang diluluskan oleh Talent Corporation Malaysia Berhad dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi yang memberi pengalaman praktikal dan menekankan pembangunan pengetahuan atau kemahiran khusus, merangkumi tetapi tidak terhad kepada teknikal, komunikasi atau perniagaan, untuk pelajar institusi pendidikan tinggi;

“Talent Corporation Malaysia Berhad” ertinya suatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] yang fungsinya untuk memperkenalkan dan memudahkan inisiatif yang menumpukan kepada keperluan bakat di Malaysia.

Potongan

3. (1) Bagi maksud menentukan pendapatan larasan bagi seseorang yang bermastautin di Malaysia daripada perniagaannya bagi tempoh asas bagi suatu tahun taksiran, suatu potongan hendaklah dibenarkan bagi apa-apa belanja pasti dan perbelanjaan yang diperihalkan dalam subkaedah (2) yang dilakukan oleh orang itu dalam tempoh asas itu bagi menjalankan suatu program latihan yang diluluskan.

(2) Belanja pasti dan perbelanjaan yang disebut dalam subkaedah (1) ialah—

- (a) elaun latihan bulanan sekurang-kurangnya lima ratus ringgit (RM500) yang dibayar kepada pelajar;